

A wooden gavel is positioned vertically in the center of the image. To its right, a red ring is broken into several pieces, with one piece still attached to the ring's band. The background is a light, textured surface.

**Pasangan
suami isteri
di Kedah paling
ramai berpisah**

CERAI MENINGKAT HAMPIR 50 PERATUS

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH KHAIRUL

PETALING JAYA – Semakin ramai pasangan suami isteri di negara ini berpisah apabila bilangan perceraian meningkat sebanyak 43.1 peratus iaitu

daripada 43,936 kes pada 2021 kepada 62,890 kes pada tahun lalu.

Tiga negeri pula mencatatkan peningkatan tertinggi bilangan perceraian orang Islam iaitu Kedah (113.6 peratus), Sabah (94.5 peratus) dan Perlis (83.5

peratus).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, jumlah perceraian melibatkan orang Islam mencatatkan peningkatan 45.8 peratus pada 2022 dengan jumlah seramai 46,138

berbanding tahun sebelumnya hanya 31,650 kes.

Menurutnya, peningkatan tersebut disebabkan oleh kes-kes yang dibawa ke hadapan daripada tahun sebelumnya.

► **BERSAMBUNG DI MUKA 2**

— GAMBAR HIASAN

Cerai meningkat hampir 50 peratus

DARI MUKA 1

"Perceraian orang bukan Islam juga meningkat 36.4 peratus daripada 12,286 (2021) kepada 16,752 kes (2022)," katanya dalam kenyataan semalam.

Jelas beliau, mereka dalam kumpulan umur antara 30 hingga 40 tahun adalah golongan paling ramai bercerai.

Katanya, bagi lelaki, perceraian tertinggi adalah pada kumpulan umur 35 hingga 39 tahun, manakala perempuan dalam kumpulan umur 30 hingga 34 tahun.

Dalam kenyataan sama, jumlah perkahwinan rakyat Malaysia pula dilaporkan mengalami penurunan sebanyak 0.5 peratus daripada 215,973 pada tahun 2021 kepada 214,824 pasangan baharu yang diraikan sepanjang tahun lalu.

"Penurunan bilangan perkahwinan ini disumbangkan oleh penurunan 4.1 peratus bilangan perkahwinan orang Islam pada 2022 (168,726) berbanding 2021 (176,002).

"Laporan ini turut membentangkan keseluruhan kadar perkahwinan am bagi pengantin lelaki didapati menurun daripada 46.0 kepada 45.3 bagi setiap 1,000 penduduk lelaki berumur 18 tahun dan lebih yang belum



KEGANASAN dalam rumah tangga menyebabkan ramai isteri menuntut cerai. - GAMBAR HIASAN

berkahwin.

"Trend yang sama juga bagi pengantin perempuan yang merekodkan penurunan daripada 47.6 kepada 47.1 bagi setiap

1,000 penduduk perempuan berumur 16 tahun dan lebih yang belum berkahwin," jelas Mohd. Uzir.

Tambahnya, tiga negeri yang

menunjukkan penurunan tertinggi perkahwinan dalam kalangan pasangan Islam adalah Wilayah Persekutuan Putrajaya (19.6 peratus), diikuti Perak (12.8

Punca-punca perceraian

- Tiada persefahaman
- Sering bertengkar
- Curang atau wujud orang ketiga
- Enggan dimadukan
- Campur tangan keluarga atau mentua
- Krisis kewangan
- Masalah seksual
- Masalah kesihatan
- Ketagihan dadah
- Suami atau isteri terlalu sibuk bekerja
- Pasangan terlalu cerewet
- Berkahwin muda tanpa ilmu kekeluargaan

peratus) dan Terengganu (11.3 peratus).

"Sebaliknya, bilangan perkahwinan orang bukan Islam pula merekodkan peningkatan sebanyak 15.3 peratus daripada 39,971 (2021) kepada 46,098 (2022).

"Tiga negeri yang menunjukkan peningkatan tertinggi adalah Terengganu (40.2 peratus), Johor (26.6 peratus) dan Negeri Sembilan (21.1 peratus)," ujarnya.